



**SELASA, 13 SEPTEMBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM & MOT MELANCARKAN PROGRAM KESELAMATAN PENERBANGAN
KEBANGSAAN BAGI MENINGKATKAN STANDARD KESELAMATAN
PENERBANGAN NEGARA**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melancarkan Program Keselamatan Penerbangan Kebangsaan atau *State Safety Programme* (SSP) sebagai salah satu usaha untuk memperkasakan standard keselamatan bagi industri ini. Pelancaran program ini dihadiri YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan dan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT merangkap *Accountable Executive* bagi SSP bertempat di Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) Sepang, Selangor. Hadir sama wakil-wakil daripada agensi kerajaan serta pihak industri penerbangan negara.

Seperti yang ditakrifkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO), SSP merupakan satu panduan bersepadu berkenaan peraturan dan aktiviti yang menyasarkan peningkatan terhadap aspek keselamatan. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk mencapai tahap keselamatan perkhidmatan dan produk penerbangan oleh penyedia perkhidmatan penerbangan termasuk operator kapal terbang, penyedia perkhidmatan navigasi udara, operator lapangan terbang serta organisasi latihan dan penyelenggaraan.

SSP merupakan rangkuman komitmen Kerajaan Malaysia melalui agensi penerbangan seperti MOT, CAAM dan Biro Penyiasatan Kemalangan Udara (AAIB) kepada industri penerbangan dan komuniti antarabangsa ke arah mencapai tahap keselamatan penerbangan yang tertinggi. Ia merupakan rangka kerja yang membolehkan pihak berkuasa penyelia keselamatan dan penyedia perkhidmatan untuk berinteraksi secara lebih berkesan dalam menyelesaikan perkara berkaitan keselamatan. Matlamatnya

adalah untuk Malaysia mempunyai sebuah SSP yang lengkap yang mentakrifkan struktur dan tanggungjawab negara serta usaha berterusan untuk meningkatkan keselamatan penerbangan menjelang 2025.

Peranan utama CAAM adalah untuk mempromosi dan mengawal selia keselamatan penerbangan awam di Malaysia, manakala AAIB bertanggungjawab bagi menjalankan siasatan kemalangan udara atau insiden serius selain terbitan susulan berkaitan cadangan keselamatan untuk meningkatkan keselamatan penerbangan dan mengelak insiden atau kemalangan daripada berulang. Malaysia komited untuk membangun dan melaksanakan strategi berkesan, rangka kerja kawal selia, dan proses untuk memastikan aktiviti-aktiviti penerbangan awam di bawah tanggungjawab negara mencapai tahap keselamatan tertinggi.

Sementara bagi mengelak daripada berlakunya kemalangan udara atau insiden serius sebagai objektif utama, kita juga pasti bahawa sistem penerbangan tidak boleh sepenuhnya bebas daripada bahaya dan risiko berkaitan. Aktiviti manusia dan sistem yang dibangunkan oleh manusia tidak boleh memberi jaminan bebas daripada kegagalan operasi dan kesan-kesannya. Sehubungan itu, keselamatan merupakan karektor yang dinamik dalam sistem penerbangan, oleh itu risiko keselamatan perlu di kurangkan dari semasa ke semasa. Adalah penting untuk makluman bahawa tahap penerimaan prestasi keselamatan sering dipengaruhi oleh budaya dan norma domestic dan antarabangsa. Sekiranya risiko keselamatan diletakkan di bawah kawalan tahap yang sesuai, sistem yang terbuka dan dinamik seperti penerbangan masih boleh diuruskan dengan baik.

Dalam masa 15 tahun, CAAM dan MOT akan memastikan sistem pengawasan keselamatan yang lebih canggih, berkesan dan lebih teguh ke arah mencapai tahap kematian sifar dalam operasi komersial berjadual. Keutamaan keselamatan adalah untuk menyokong matlamat aspirasi ini yang mampu mengenal pasti cabaran berkaitan keselamatan dan keutamaan dalam bidang yang memerlukan tindakan bagi meningkatkan keselamatan di Malaysia.

DATUK KAPTEN CHESTER VOO

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia